

# KUTKM KERJASAMA DENGAN CUBIC ELEKTRONICS DALAM BIDANG R&D

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 29/07/2003 | Author: / SBS LAT**

MELAKA, 29 Julai (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang beroperasi di Taman Tasik Utama, Air Keroh, di sini, menjalin kerjasama bagi memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan syarikat Cubic Electronics Sdn Bhd (CESB), di sini.

Rektor KUTKM Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani berkata kerjasama itu berupa perkongsian kepakaran antara pelajar dan tenaga pengajar KUTKM dengan CESB untuk membangunkan R&D dalam bidang inovasi multimedia terutama dalam produk hiburan.

"CESB juga boleh membantu KUTKM menyediakan tempat latihan bagi para pelajar dalam bidang berkenaan untuk menimba pengalaman serta mengetahui mengenai kepakaran sesuatu bidang yang berkaitan," katanya selepas menandatangani perjanjian persefahaman antara KUTKM dan CESB di sini, hari ini.

Mohd Ruddin mewakili KUTKM manakala Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif CESB Sim Wong Hoo mewakili syarikat itu dalam MoU berkenaan yang disaksikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Mohd Ruddin berkata kos akan ditanggung bersama dan perkongsian bijak itu akan memastikan kedua-dua pihak dapat bekerjasama daripada aspek sumber dan kepakaran untuk kemajuan bersama.

Beliau berkata ini merupakan MoU pertama yang ditandatangani oleh KUTKM dengan syarikat di Melaka, dan perjanjian seumpama itu akan diteruskan dengan syarikat-syarikat teknologi lain pada masa hadapan.

Sementara itu, Sim berkata MoU berkenaan akan dapat memastikan Cubic dapat mengeluarkan lebih banyak lagi barangan bermutu dan kepakaran di KUTKM itu dapat digunakan oleh syarikat berkenaan.

Mengenai cadangan pembesaran fasa kedua CESB, beliau berkata syarikat itu akan menggunakan kawasan seluas 300,000 kaki persegi di sebelah bangunan sedia ada untuk meningkatkan lagi tahap pengeluaran di kilang berkenaan.

Kilang itu yang beroperasi sejak 1994 di Batu Berendam dan kemudiannya berpindah ke Taman Tasik Utama, Air Keroh pada 2001, kini mempunyai 1,200 pekerja.

Pembangunan peringkat kedua kilang itu yang dianggarkan menelan belanja RM25 juta, Januari ini akan memberi pekerjaan kepada kira-kira 800 orang.

CESB yang merupakan anak syarikat Creative Technology Ltd, terkenal kerana teknologi pembuatan barangan multimedia yang bermutu seperti NOMAD Jukebox, PC Camera dan sistem pembesar suara untuk komputer peribadi dan internet.

-- BERNAMA

SBS LAT